

28 FEBRUARY 2025

**Wasco Closed 2024 on a High, Outperforming Market
Expectations: Revenue Up 22% to RM3.2 Billion,
Profit Hits RM164.5 Million
*Declares Dividend of 2 Sen Per Share, First Payout Since 2020***

KUALA LUMPUR, 28 February – Wasco Berhad (“Wasco” or “the Group”) delivered its best year ever financial performance for the year ended 31 December 2024 (“FY2024”), capping the year with exceptional fourth-quarter (“Q4 FY2024”) results.

The Group reported FY2024 revenue of RM3.2 billion, reflecting a significant year-on-year (“Y-o-Y”) increase of 22% from RM2.6 billion. Q4 FY2024 revenue for the Group stood at RM984.4 million, marking a robust 55% increase quarter-on-quarter (“Q-o-Q”) and reinforcing the Group’s successful strategic transformation.

For the full year, Wasco’s Profit Before Tax (“PBT”) and net profit stood at RM221.1 million and RM164.5 million respectively. In Q4 FY2024, PBT and net profit stood at RM51.6 million and RM40.13 million, respectively, more than doubled from Q3 FY2024 figures. The sharp increase in profit was driven by higher revenue contribution during the quarter, supported by key project completions in the liquefied natural gas (“LNG”), industrial, carbon capture and renewable energy sectors.

Profit After Tax and Minority Interest (“PATMI”) for FY2024 surged 41% to RM153.0 million, marking overall best profitability for the Group. In Q4 FY2024, PATMI is recorded at RM35.3 million.

Wasco also declared a dividend issuance of 2 sen per share - its first payout since 2020 - in recognition of the unwavering support of its shareholders. The Group maintained a healthy gearing ratio of 0.21 times from 0.62 times, reflecting continuous cash flow improvement and disciplined financial management.

Wasco’s record-breaking FY2024 performance was driven by strong execution across all business segments, with Q4 FY2024 delivering sharper growth momentum.

Energy Services

The Energy Services division posted full year revenue of RM2.6 billion, up 14% from RM2.3 billion in FY2023. Revenue in Q4 FY2024 stood at RM856.6 million, versus RM722.5 million in the same period in 2023. This growth was driven by the execution of projects with higher level of activities during the period. The division's PBT stood at RM190.6 million and RM80.9 million for the full year and Q4 FY2024 respectively.

During the financial period, the Pipeline Services unit completed 570 kilometres of pipeline coating for Qatar's North Field Expansion Project, a key LNG infrastructure initiative. In Malaysia, the Group successfully delivered 139 kilometres of coated pipelines for the Kasawari Carbon Capture & Storage ("CCS") Project, contributing to the nation's decarbonisation and CO₂ emissions reduction efforts. The Rosmari Marjoram Project saw the coating of 220 kilometres of pipelines, boosting regional gas production.

The Engineering & Fabrication Services unit marked a major milestone with the 300th module loadout from Batam, delivering ahead of schedule for the Angola FPSO project. It has also secured a RM659.3 million* contract for prefabricated substations in the Middle East, reinforcing its market expansion strategy.

Bioenergy Services

In FY2024, the Bioenergy Services division delivered revenue of RM276.7 million and in Q4 FY2024, the revenue is recorded at RM75.2 million. PBT stood at RM69.5 million and RM9.7 million for the full year and Q4 FY2024 respectively.

As the Group continues to serve the energy industry through sustainable growth and services, the division expanded its clean energy portfolio whilst advancing its waste-to-energy and circular economy initiatives, aligned with Wasco's Sustainable Transition Finance Framework.

Cumulatively, over the years, a total of 1,764 units of turbine have been sold, which further drives significant opportunities for the Bioenergy Services division from its after-sales services which contributed approximately 34% and 28% of total revenue for FY2024 and FY2023, respectively.

These achievements reflect Wasco's strategic focus on high-value projects, operational excellence, and sustainability-driven growth, positioning the Group as a leading energy solutions provider.

Outlook for 2025

Wasco enters 2025 with strong momentum, backed by a tender book of RM10.4 billion with a secured order book of RM2.5 billion, ensuring earnings visibility and diversified growth potential.

"Our record-breaking FY2024 and stellar Q4 results surpassed market expectations, a testament to our ability to seize market opportunities, optimise operations, and sustain profitability," said **Giancarlo Maccagno, Group Chief Executive Officer of Wasco Berhad**. "This performance reflects our strong business fundamentals, and we are pleased to declare our first dividend since 2020 - reinforcing our confidence in Wasco's long-term growth and commitment to creating value for our shareholders."

The Group is well-positioned to continue its momentum in FY2025, with key ongoing projects globally driven by Wasco's outstanding execution capabilities, and commitment to safety and excellence. Additionally, the Bioenergy Services division continues to drive expansion in biomass energy generation, with further strategic opportunities under evaluation to further unlock shareholder value.

"We are not just meeting targets; we are seizing opportunities to innovate, expand, and create lasting impact. Wasco is shaping the future of energy with integrated solutions for both traditional and clean energy markets," concluded Maccagno.

-ends-

**Note: Based on USD to MYR foreign exchange rate of 1 USD = 4.43391 MYR at the point of conversion.*

About Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), established in 1999, is a prominent provider of energy solutions with a global presence across 16 countries. The Group's core strengths lie in two distinct divisions. The Energy Services Division specialises in advanced pipe coating, corrosion protection, engineering, and EPC project delivery. Complementing this, the Bioenergy Services Division focuses on biomass energy generation, catering to a varied sector including plantations, petrochemicals, oleochemicals, and large industrial players.

As a Main Market-listed entity on Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco emphasises sustainability and environmental responsibility. The organisation has set a bold target to achieve net-zero operational carbon emissions (Scope 1 and Scope 2) by 2026. Wasco's decarbonisation strategy begins with reducing emissions in its operations and supply chains, coupled with the ability to offset emissions.

Reflecting its strong ESG commitment, Wasco is a constituent of the FTSE4Good Bursa Malaysia Index and the FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah Index, solidifying its role as a recognised leader in sustainability performance. In addition, Wasco is a proud participant of the United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, embedding the Ten Principles of the UN Global Compact into its strategies and operations, with a firm focus on human and labour rights, environmental protection, and anti-corruption efforts.

Wasco recognises the crucial importance of investing in the protection and restoration of natural ecosystems, particularly forests, which play a vital role in sequestering carbon. These efforts not only contribute to the preservation of the natural world and its rich biodiversity but also serve as a medium-term solution for offsetting emissions. A significant part of this commitment revolves around the 'Wasco Forest' initiative launched in 2021.

Beyond this dedication to environmental responsibility, Wasco is resolute in its commitment to the energy transition within the oil and gas sector. Recognising that a successful transition necessitates collaboration between the public and private sectors, Wasco actively seeks strategic partnerships. The Group envisions driving growth within regional green value-chains, leveraging local expertise and capabilities to shape a more sustainable future for the energy industry.

Issued by Wasco Berhad. For media enquiries, please contact **Juliana Jamaluddin** (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) or **Elinar Yasmeen** (elinar.yasmeen@wascoenergy.com / +60 12-903 0342).

28 FEBRUARI 2025

**Wasco Melabuhkan Tirai 2024, Melepassi Jangkaan
Pasaran: Pendapatan Naik 22% Kepada RM3.2 Bilion,
Keuntungan Cecah RM164.5 Juta
*Isytihar Dividen 2 Sen Sesaham, Pembayaran Pertama Sejak 2020***

KUALA LUMPUR, 28 Februari – Wasco Berhad ("Wasco" atau "Kumpulan") mencatatkan prestasi kewangan terbaiknya bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 ("TK2024"), melabuhkan tirai tahun tersebut dengan keputusan kewangan yang memberangsangkan bagi suku keempat ("S4 TK2024").

Wasco melaporkan pendapatan TK2024 sebanyak RM3.2 bilion, mencerminkan peningkatan tahun-ke-tahun ("Y-o-Y") yang ketara sebanyak 22% daripada RM2.6 bilion. Pendapatan S4 TK2024 Kumpulan berjumlah RM984.4 juta, meningkat sebanyak 55% suku-ke-suku ("Q-o-Q"), mengukuhkan lagi pelan transformasi strategik Kumpulan.

Bagi keseluruhan tahun, Keuntungan Sebelum Cukai ("PBT") dan keuntungan bersih Wasco masing-masing dilaporkan sebanyak RM221.1 juta dan RM164.5 juta. Pada S4 TK2024, PBT dan keuntungan bersih masing-masing berjumlah RM51.6 juta dan RM40.13 juta, lebih dua kali ganda berbanding angka pada suku ketiga tahun kewangan 2024 ("S3 TK2024"). Peningkatan ketara dalam keuntungan ini didorong oleh sumbangan pendapatan yang lebih tinggi pada suku tersebut, disokong oleh penyiapan projek utama dalam sektor gas asli cecair ("LNG"), industri, penangkapan karbon dan tenaga boleh diperbaharui.

Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti ("PATMI") bagi TK2024 melonjak 41% kepada RM153.0 juta, menandakan keuntungan terbaik keseluruhan bagi Kumpulan. Pada S4 TK2024, PATMI dicatatkan pada RM35.3 juta.

Wasco turut mengisytiharkan pengeluaran dividen sebanyak 2 sen sesaham - pembayaran pertama sejak 2020 - sebagai penghargaan terhadap sokongan kukuh para pemegang saham. Kumpulan mengekalkan nisbah gear yang sihat sebanyak 0.21 kali daripada 0.62 kali, mencerminkan peningkatan aliran tunai yang berterusan dan pengurusan kewangan yang berdisiplin.

Prestasi cemerlang TK2024 Wasco dipacu oleh pelaksanaan kukuh operasi merentas semua segmen perniagaan, dengan S4 TK2024 mempamerkan momentum pertumbuhan yang lebih pesat.

Perkhidmatan Tenaga

Bahagian Perkhidmatan Tenaga mencatatkan pendapatan tahunan sebanyak RM2.6 bilion, meningkat 14% daripada RM2.3 bilion pada TK2023. Pendapatan S4 TK2024 berjumlah RM856.6 juta, berbanding RM722.5 juta dalam tempoh yang sama pada 2023. Pertumbuhan ini didorong oleh pelaksanaan projek dengan tahap aktiviti yang lebih rancak sepanjang tempoh tersebut. PBT bagi bahagian ini dilaporkan sebanyak RM190.6 juta bagi tahun TK2024 dan RM80.9 juta bagi S4 TK2024.

Sepanjang tempoh kewangan, unit Perkhidmatan Saluran Paip berjaya menyiapkan salutan paip sepanjang 570 kilometer bagi Projek *North Field Expansion* bertempat di Qatar, salah satu inisiatif infrastruktur LNG yang utama. Di Malaysia, Kumpulan berjaya menyiapkan saluran paip bersalut sepanjang 139 kilometer bagi Projek *Carbon Capture & Storage* ("CCS") Kasawari, menyumbang kepada usaha nyahkarbon negara dan pengurangan pelepasan CO₂. Projek Rosmari Marjoram pula melibatkan salutan paip Wasco sepanjang 220 kilometer, meningkatkan pengeluaran gas serantau.

Unit Perkhidmatan Kejuruteraan & Fabrikasi mencatatkan pencapaian penting dengan pemuatan modul ke-300 dari fasilitinya di Batam, disiapkan lebih awal daripada jadual untuk projek FPSO bertempat di Angola. Unit tersebut juga berjaya memperoleh kontrak bernilai RM659.3 juta* bagi pencawang pra-fabrikasi di Timur Tengah, mengukuhkan strategi pengembangan pasaran.

Perkhidmatan Biotenaga

Pada TK2024, bahagian Perkhidmatan Biotenaga mencatatkan pendapatan sebanyak RM276.7 juta dan bagi S4 TK2024, pendapatan direkodkan pada RM75.2 juta. PBT masing-masing berjumlah RM69.5 juta dan RM9.7 juta bagi TK2024 dan S4 TK2024.

Seiring dengan usaha Kumpulan untuk terus berkhidmat dalam industri tenaga melalui pertumbuhan dan perkhidmatan mampan, bahagian ini mengembangkan portfolio tenaga bersihnya sambil merancakkan inisiatif sisa kepada tenaga dan ekonomi kitaran, selaras dengan Rangka Kerja Kewangan Peralihan Mampan Wasco.

Secara kumulatif, sejumlah 1,764 unit turbin telah dijual, memberikan peluang besar bagi bahagian Perkhidmatan Biotenaga melalui perkhidmatan selepas jualan yang menyumbang kira-kira 34% dan 28% daripada jumlah pendapatan bagi TK2024 dan TK2023.

Pencapaian ini mencerminkan tumpuan strategik Wasco terhadap projek bernilai tinggi, kecemerlangan operasi, dan pertumbuhan berasaskan kelestarian, meletakkan Kumpulan sebagai penyedia penyelesaian tenaga terkemuka.

Jangkauan 2025

Wasco memasuki tahun 2025 dengan momentum yang kukuh, disokong oleh *tender book* bernilai RM10.4 bilion dengan *order book* terjamin sebanyak RM2.5 bilion, memastikan keterlihatan pendapatan dan potensi pertumbuhan yang pelbagai.

"Prestasi rekod TK2024 dan keputusan cemerlang S4 kami mengatasi jangkaan pasaran, membuktikan keupayaan kami untuk merebut peluang pasaran, mengoptimumkan operasi, dan mengekalkan keuntungan," kata **Giancarlo Maccagno, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wasco Berhad**. "Prestasi ini mencerminkan asas perniagaan kami yang kukuh, dan kami berbesar hati untuk mengisytiharkan dividen pertama kami sejak 2020 - mengukuhkan keyakinan kami terhadap pertumbuhan jangka panjang Wasco dan komitmen untuk mencipta nilai bagi para pemegang saham kami."

Kumpulan berada pada kedudukan yang kukuh untuk meneruskan momentum ini pada TK2025, dengan projek-projek utama yang sedang berjalan di peringkat global, didorong oleh keupayaan pelaksanaan cemerlang Wasco serta komitmen terhadap keselamatan dan kecemerlangan. Selain itu, bahagian Perkhidmatan Biotenaga terus memacu pengembangan dalam penjanaan tenaga biojisim, dengan peluang strategik tambahan sedang dinilai bagi membuka lebih banyak nilai pemegang saham.

"Kami bukan sekadar mencapai sasaran; kami merebut peluang untuk berinovasi, berkembang, dan mencipta impak berkekalan. Wasco sedang membentuk masa hadapan tenaga dengan penyelesaian bersepadu untuk pasaran tenaga bersih dan tradisional," tambah Maccagno.

-tamat-

**Nota: Berdasarkan kadar pertukaran matawang asing USD ke MYR pada 1 USD = 4.43391 MYR.*

***Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpanduan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), ditubuhkan pada 1999, merupakan penyedia penyelesaian tenaga yang terkemuka dengan kehadiran global di 16 negara. Kekuatan utama Kumpulan terletak pada dua bahagian utama. Bahagian Perkhidmatan Tenaga mengkhusus dalam salutan paip canggih, perlindungan kakisan, kejuruteraan, dan penyampaian projek EPC. Sementara itu, Bahagian Perkhidmatan Bioenergi memberi tumpuan kepada penjanaan tenaga biojisim, melayani pelbagai sektor termasuk perladangan, petrokimia, oleokimia, dan pemain industri utama.

Sebagai entiti yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco menekankan kelestarian dan tanggungjawab alam sekitar. Organisasi ini telah menetapkan sasaran berani untuk mencapai pelepasan karbon operasi sifar bersih (Skop 1 dan Skop 2) menjelang 2026. Strategi dekarbonisasi Wasco bermula dengan pengurangan pelepasan dalam operasinya dan rantai bekalan, digabungkan dengan keupayaan untuk mengimbangi pelepasan.

Mencerminkan komitmennya terhadap ESG yang kukuh, Wasco merupakan sebahagian daripada Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah, menegaskan peranannya sebagai peneraju yang diiktiraf dalam prestasi kelestarian. Selain itu, Wasco merupakan peserta bangga dalam United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, mengintegrasikan Sepuluh Prinsip UN Global Compact ke dalam strategi dan operasinya, dengan tumpuan teguh pada hak asasi manusia, perlindungan alam sekitar, dan usaha anti-rasuah.

Wasco memperakui kepentingan pelaburan dalam perlindungan dan pemulihan ekosistem semula jadi, terutamanya hutan, yang memainkan peranan penting dalam menyerap karbon. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan alam semula jadi dan kepelbagaian biologi yang kaya, tetapi juga menjadi penyelesaian jangka sederhana untuk mengimbangi pelepasan. Komitmen ini turut merangkumi inisiatif 'Wasco Forest' yang dilancarkan pada 2021.

Selain komitmen ini terhadap tanggungjawab alam sekitar, Wasco berpegang teguh pada peralihan tenaga dalam sektor minyak dan gas. Menyedari bahawa peralihan yang berjaya memerlukan kerjasama antara sektor awam dan swasta, Wasco secara aktif mencari perkongsian strategik. Kumpulan ini membayangkan untuk memacu pertumbuhan dalam rantai nilai hijau serantau, memanfaatkan kepakaran dan keupayaan tempatan untuk membentuk masa depan yang lebih lestari bagi industri tenaga.

Disiarkan oleh Wasco Berhad. Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi **Juliana Jamaluddin** (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) atau **Elinar Yasmeen** (elinar.yasmeen@wascoenergy.com / +6 012-903 0342).